KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 OKTOBER, 2021

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow




**AHMAD Fuzi Abdul Razak (barisan pertama, tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama Yang di-Pertua DUN, Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sejurus perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.**

# Ketepi perbezaan

## bantu rakyat harungi pandemik

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak berharap agar semua wakil rakyat di negeri ini dapat mengetepikan perbezaan dan memberi fokus untuk membantu rakyat keluar daripada krisis pandemik COVID-19.

Beliau berkata, semua pihak tanpa mengira parti politik perlu berganding bahu sebagai satu pasukan bagi membolehkan aktiviti kehidupan rakyat dan ekonomi negeri dapat kembali pulih seperti sedia kala.

"Walaupun negara sedang menghadapi tempoh pandemik, saya amat berharap agar projek-projek untuk kemudahan rakyat yang disusun dan dirancangkan oleh Kerajaan Persekutuan serta Negeri dapat disiapkan mengikut jadual.

"Perkara ini penting bagi penyampaian perkhidmatan kerajaan terhadap rakyat di samping memacu ekonomi negara secara dalaman.

"Justeru, saya berharap supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak mengira parti, kerajaan atau pembangkang dapat memberi fokus dan iltizam untuk membantu rakyat meneruskan kehidupan dalam tempoh pandemik COVID-19 ini," katanya dalam ucapan perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat Dewan Undangan Negeri di sini 30 Ogos lalu.

Turut hadir, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar; Ketua Pembangkang, Dato' Muhamad Yusoff Mohd. Noor; Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah; Ahli-ahli Exco serta barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Ahmad Fuzi dalam pada itu, **turut menzahirkan penghargaan kepada barisan pentadbiran Kerajaan Negeri dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.**

**"Saya mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan YAB Ketua Menteri kerana telah mentadbir dengan baik di saat negeri dan negara kita dilanda pandemik COVID-19.**

**"Sesungguhnya, pandemik COVID-19 ini amat menguji barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang mana ia tidak pernah dialami sebelum ini.**

*(Sambungan di muka 2).*

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-14

# Cokmar DUN berciri identiti Negeri

**GEORGE TOWN –** Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang berlangsung bermula pada 30 Ogos lalu menyaksikan sedikit keistimewaan dengan 'kehadiran' cokmar.

Simbolik penyerahan cokmar tersebut disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak kepada Speaker DUN sambil disaksikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sesi perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-14 di sini 30 Ogos lalu.

Speaker DUN Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang berkata bahawa cokmar tersebut dihasilkan dengan menggambarkan ciri-ciri identiti negeri Pulau Pinang.

"Cokmar ini direka khas dengan ukiran yang menggambarkan identiti negeri Pulau Pinang," katanya kepada Buletin Mutiara.

Difahamkan, bahagian atas cokmar adalah direka dengan bentuk bumbung DUN, selain terdapat ukiran pokok pinang dan Jambatan Pulau Pinang yang merupakan ikon utama bagi negeri ini.

Selain itu, ia turut mempunyai ukiran beberapa motif lain seperti kabel Jambatan Pulau Pinang pada bahagian tengah dan bunga tanjung serta batang pokok pinang di bahagian bawah.



AHMAD Fuzi Abdul Razak (dua dari kanan), Law Choo Kiang (dua dari kiri), Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri meneliti cokmar yang direka khas dengan ukiran menggambarkan identiti negeri Pulau Pinang pada sesi perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Komitmen martabat syiar Islam dipuji

"Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para barisan hadapan *(frontliner)* yang telah bekerja keras dalam usaha mengekang penularan pandemik COVID-19 di negeri ini," ucap beliau.

Dalam ucapannya, Ahmad Fuzi turut mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengorak langkah untuk mendapatkan hasil baru sejajar dengan perkembangan pembangunan negeri mutakhir ini.

"Hasil yang berjaya dikutip bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM467.56 juta, iaitu 90.06 peratus daripada anggaran (RM519.16 juta) manakala bagi tahun 2021 pula, sebanyak RM386.90 juta hasil berjaya dikutip iaitu 76.46 peratus daripada anggaran (RM506.02 juta).

"Saya dimaklumkan bahawa hasil sedia ada tidak dapat dikutip sepenuhnya disebabkan pengecualian kutipan hasil yang diluluskan dengan pengecualian terbesar adalah bagi hasil cukai hiburan dan sewaan atau pajakan," katanya.

Tambah beliau, Pulau Pinang merekodkan penyusutan negatif 2.1 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2020 berbanding pertumbuhan 3.8 peratus pada tahun sebelum ini.

"Namun, berdasarkan kepada statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, semua negeri mencatatkan penyusutan kepada KDKN bagi tahun 2020," ulasnya.

Beliau menambah, penurunan di Pulau Pinang pada tahun 2020 adalah dipengaruhi oleh sektor perkhidmatan, yang menguncup 5.7 peratus berbanding 5.5 peratus (2019) yang didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan serta makanan dan minuman.

"Selain itu, penurunan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan, hartanah serta perkhidmatan perniagaan turut mempengaruhi prestasi sektor ini.

"Namun begitu, pertumbuhan lebih baik dalam produk elektrik, elektronik dan optikal pada tahun 2020 telah menyokong prestasi sektor pembuatan untuk meningkat 2.8 peratus berbanding 2.7 peratus (2019).

"Pertumbuhan positif dalam sektor pembuatan, sedikit sebanyak telah mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi negeri," tegasnya.

Walau bagaimanapun, Ahmad Fuzi menyatakan bahawa prestasi pelaburan bagi negeri Pulau Pinang pada tahun ini masih menunjukkan data yang memberangsangkan.

"Meskipun terdapat banyak ketidakpastian global, pencapaian pelaburan pembuatan berjumlah RM14.1 bilion pada tahun 2020 adalah yang kedua tertinggi dalam sejarah negeri Pulau Pinang.

"Malah, pada suku tahun pertama 2021, Pulau Pinang telah mencatatkan nilai pelaburan pembuatan berjumlah RM1.1 bilion, merangkumi 40 projek yang dianggarkan mampu mewujudkan 2,328 peluang pekerjaan baru di negeri ini," jelas beliau lagi.

Mengulas lanjut, Ahmad Fuzi memuji komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memartabatkan syiar Islam di negeri ini dengan menyediakan peruntukan pembangunan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

"Komitmen ini ditingkatkan dengan kelulusan peruntukan pembangunan tahun 2021 adalah sebanyak RM18.61 juta iaitu meningkat sebanyak RM7.518 juta dari tahun lepas.

"Selain itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah membina banyak masjid baharu serta menaik taraf masjid di negeri Pulau Pinang," ulasnya.

Malah kata Ahmad Fuzi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga terus prihatin dengan perkembangan pendidikan di institusi pendidikan Islam di negeri ini.

"Ini adalah merangkumi Sekolah Agama Rakyat (SAR), Kelas Al-Quran dan Fardu 'Ain (KAFA), Maahad Tahfiz, Pusat Tahfiz, Sekolah Rendah dan Menengah Tahfiz, pondok-pondok pengajian tradisional serta Sekolah Rendah dan Menengah Agama Rakyat yang kini berjumlah 331 buah.

"Selain itu, pembinaan baharu institusi pendidikan Islam juga tidak pernah diabaikan oleh Kerajaan Negeri melalui pembinaan beberapa lagi sekolah agama.

"Kerajaan Negeri juga telah memberikan bantuan khas kewangan di bawah Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) dengan jumlah RM1.095 juta sebagai bantuan langsung kepada pihak-pihak terlibat yang berdaftar dengan JHEAIPP," katanya.

Difahamkan, Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Ke-14 yang bermula pada 30 Ogos 2021 kembali diadakan di bangunan Dewan Undangan Negeri di sini selepas ditutup selama dua tahun bagi kerja-kerja penyelenggaraan.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-14

# Pemulihan ekonomi pasca pandemik fokus enam sektor utama

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bakal memberi tumpuan terhadap enam sektor utama dalam langkah pemulihan ekonomi negeri pasca penularan pandemik COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa enam sektor tersebut adalah melibatkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pasaran tenaga kerja, perumahan, infrastruktur, pelancongan serta industri makanan.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ini menubuhkan jawatankuasa Majlis Perundingan Pemulihan Sosio-Ekonomi Pulau Pinang (PSERCC) bertujuan memulihkan ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19.

"Jawatankuasa ini telah mengenal pasti isu ekonomi semasa yang menghalang pertumbuhan ekonomi seterusnya merangka dan melaksanakan strategi jangka pendek serta sederhana untuk pemulihan bagi enam sektor tersebut," katanya semasa sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat sini pada 2 September lalu.

Beliau berkata, bagi membantu sektor industri IKS yang turut merangkumi Perusahaan Kecil dan Seberhana (PKS) serta peruncitan, Kerajaan Negeri bercadang untuk melanjutkan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) yang diperkenalkan pada tahun lepas.

"Selain itu, kita juga mencadangkan agar proses bayaran balik tuntutan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dilakukan dalam kadar segera kepada para peniaga serta penambahan pelanjutan moratorium selama enam bulan kepada sektor ini," ujarnya.

Menurut Kon Yeow, tumpuan turut akan diberikan kepada sektor pasaran tenaga kerja yang sangat berkait rapat dengan keadaan pemulihan ekonomi semasa.

"Bagi tujuan ini, kita mohon kepada syarikat-syarikat supaya memainkan peranan dengan mendaftarkan pekerja yang bakal diberhentikan di sistem Pusat *Career Assistance and Talent* (CAT) Pulau Pinang selain melaksanakan program peningkatkan kemahiran pekerja.

"Kajian untuk mengenal pasti pengangguran yang bakal berlaku serta meneliti dan menangani persaingan antara pekerja yang kehilangan kerja termasuk pencari kerja lepasan universiti juga perlu dijalankan," serunya.

Bagi sektor perumahan pula, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bakal menawarkan beberapa insentif kepada pembeli serta pemaju.

"Insentif kepada pembeli yang bakal ditawarkan adalah harga siling maksimum Rumah Mampu Milik (RMM) diturunkan sebanyak 10 peratus bagi projek baru.

"Walau bagaimanapun, sekiranya pemaju mahu mengekalkan harga maksimum asal, mereka perlu meningkatkan keluasan rumah kepada 50 kaki persegi," tegasnya.

Selain itu, Kon Yeow menyatakan bahawa beberapa insentif juga ditawarkan kepada pemaju seperti pengurangan harga had siling hartanah pembelian warga asing bagi tempoh satu tahun dan pengurangan Fi Kelulusan sebanyak 50 peratus secara menyeluruh bagi tempoh sama.

"Turut ditawarkan adalah pengecualian levi pembelian warga asing bagi tempoh satu tahun, penggunaan kuota RMM mengikut pihak berkuasa tempatan (PBT), nisbah plot 1:4 bagi pembinaan RMM dan pengurangan kos pembangunan bagi tempoh setahun.

"Insentif tambahan kepada pemaju juga ditawarkan berserta kajian serta syor pengurangan kos pembangunan dan pematuhan selain penyediaan RMM melalui konsep sewa beli (RTO)," ulasnya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah mewujudkan Pelan Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang (PCMP) bagi memperluaskan lagi capaian telekomunikasi yang dilihat semakin penting pasca penularan pendemik.

Oleh itu katanya, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa perojek termasuk menaik taraf infrastruktur milik Telekom Malaysia (TM) kepada fiber optik di seluruh negeri.

"Kerajaan Negeri juga bakal memperkenalkan inisiatif Ekonomi Digital bagi syarikat-syarikat pemula, pembangunan perusahaan tempatan serta para pelabur," jelasnya.

Tambah Kon Yeow, sektor pelancongan yang menjadi penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi Pulau Pinang sebelum penularan pandemik turut akan diberi tumpuan dalam pelan pemulihan negeri.

"Justeru, pelbagai program promosi dan rangsangan pasaran tempatan telah dirangka untuk dilaksanakan selepas pandemik COVID-19 berjaya ditangani selain meneruskan kempen pelancongan bertanggungjawab.

"Kita juga akan menjalankan promosi secara digital untuk mencapai sasaran pelancong ke negeri ini lebih tinggi dan impak media sosial yang diinginkan," ulasnya.

Jelas beliau lagi, bagi sektor industri makanan, Kerajaan Negeri juga telah merangka beberapa strategi antara lain adalah melibatkan program lmunisasi lndustri COVID-19 Kerjasama Awam - Swasta - Pusat Pemberian Vaksin Industri (PIKAS-PPVIN).

"Kerajaan Negeri juga akan melaksakan sistem penternakan moden yang mampu meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan populasi ternakan dalam kapasiti ladang yang sama dengan lebih berkualiti serta mesra alam.

"Malah, kita juga akan melakukan penstrukturan semula bagi kawasan kekal ternakan di negeri ini," jelasnya.

## Kerajaan Persekutuan perlu jelaskan status pembesaran PIA

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Persekutuan perlu memberikan penjelasan berhubung status terkini projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa PIA merupakan salah satu lapangan terbang Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) yang paling cepat berkembang dan menguntungkan sebelum berlakunya penularan pandemik COVID-19.

Beliau berkata, PIA juga dijangka kembali mencatatkan peningkatan daripada segi jumlah penumpang apabila penularan pandemik berjaya ditangani dan pintu sempadan negara dibuka semula.

"Dengan peningkatan kadar vaksinasi dan pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat, tidak lama lagi, PIA akan mencapai jumlah penumpang sama seperti sebelum berlakunya pendemik.

"Oleh itu, bukankah lebih baik sekiranya kerja-kerja pembesaran dimulakan sekarang ketika lapangan terbang masih lengang sebagai persediaan untuk masa depan?" Soalnya semasa Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini pada 2 September lalu.

Beliau berkata, pelaksanaan projek pembesaran PIA yang diluluskan semasa pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH) sebelum ini ditangguhkan apabila Kerajaan Persekutuan baharu ditubuhkan awal tahun lepas.

"Antara alasan yang diberikan oleh Menteri Pengangkutan adalah semua projek lapangan terbang dalam negara ditangguh secara menyeluruh sehingga hasil kajian Kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) dimuktamadkan," ulasnya.

Walau bagaimanapun, Zairil menegaskan bahawa projek pembesaran PIA sangat diperlukan kerana perangkaan menunjukkan kapasiti lapangan terbang tersebut sudah lama melebihi kapasiti.

Beliau berkata, pada tahun 2019, PIA telah mencatatkan jumlah penumpang mencecah 8.3 juta orang walaupun kapasitinya hanyalah 6.5 juta penumpang pada tahun 2013.

"Kementerian Pengangkutan bersetuju dengan cadangan untuk memperluaskan PIA kepada minimum 12 juta penumpang semasa pentadbiran Pakatan Harapan.

"(Dan) permohonan kebenaran merancang sudah diserahkan kepada pihak berkuasa setempat (PBT) dan kerja-kerja pelaksanaan projek juga telah dijadualkan bermula.

"Sayangnya, pandemik COVID-19 berlaku serentak dengan perubahan Kerajaan Persekutuan pada awal tahun 2020 yang menyebabkan projek pembesaran PIA ditangguhkan.

"PIA adalah lapangan terbang yang kritikal penggunaannya bagi wilayah utara, dan kita berharap agar isu pembesarannya jangan dipolitikkan oleh Kerajaan Persekutuan," tegasnya.

Dalam pada itu, Zairil turut mempersoalkan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP), Kedah yang berkait secara langsung dengan projek pembesaran dan menaik taraf PIA.

"Kerajaan Persekutuan perlu memberi penjelasan sama ada projek KXP ini telah dipersetujui oleh mereka walaupun kajian NASP belum selesai.

"Sekiranya tidak dipersetujui, Kerajaan Persekutuan perlu menjelaskan sama ada projek KXP ini akan dibenarkan untuk diteruskan atau tidak," katanya.



**ZAIRIL Khir Johari.**

**Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-14**

# HOC, rangsang semula sektor hartanah



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) dan ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik pada sesi persidangan DUN baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Sehingga 30 Jun 2022, mereka yang layak membeli rumah mampu milik (RMM) di bahagian pulau dan Seberang Perai bakal menikmati pengurangan harga jualan sebanyak 10 peratus.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa Kerajaan Negeri melaksanakan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) sebegitu dengan tujuan merangsang sektor hartanah negeri yang terjejas dek pandemik COVID-19 sekali gus memberi peluang kepada rakyat yang layak untuk memiliki kediaman lebih selesa.

"RMM, bagi unit berkeluasan 850 kaki persegi (ditawarkan pada harga baharu) maksimum RM270,000 di bahagian pulau dan RM225,000 seunit di Seberang Perai.

"Sekiranya pemaju ingin mengekalkan harga lama iaitu RM300,000 di pulau dan Seberang Perai (RM250,000), saiz hendaklah ditingkatkan menjadi minimum 900 kaki persegi," jelasnya semasa sesi soalan lisan dekat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini pada 2 September 2021.

Selain itu, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut menjelaskan bahawa pemaju-pemaju perumahan juga dikehendaki menyediakan pelbagai kemudahan serta fasiliti kegunaan bersama seperti tempat riadah, dewan serba guna dan ruang bacaan (jika mengekalkan harga lama).

Tambah beliau, Kerajaan Negeri turut merancang pelan pemilikan RMM secara sewa beli (RTO) dengan sasaran bahawa sebanyak 22,000 unit kediaman.

"Sehingga kini, sejumlah 2,501 unit RTO telah dikenal pasti dan ditawarkan secara berkala yang mana sebahagian besar telah ditawarkan.

"Kerajaan Negeri akan terus melihat kepada lain-lain skim yang sesuai untuk dilaksanakan kaedah RTO bagi membantu isu kesukaran pembiayaan unit RMM A dan B termasuk dalam perancangan seperti Mak Mandin dan Murai Jaya," ulasnya sambil memberitahu bahawa pihaknya sedang berbincang dengan pemaju berkaitan untuk turut memasukkan RMM C di bawah kaedah RTO.

Sebelum itu, ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen membangkitkan soalan mengenai inisiatif Kerajaan Negeri bagi merangsang pertumbuhan sektor pembangunan perumahan di Pulau Pinang dalam tempoh pandemik.

Beliau turut meminta Exco berkenaan menjelaskan mengenai bentuk-bentuk bantuan yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada mereka yang berhasrat membeli rumah pertama kini.

## Lebih banyak premis Balik Pulau bakal dilengkapi internet

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited untuk memastikan seluruh kawasan di negeri ini dapat mencapai jaringan komunikasi yang optimum termasuk kawasan luar bandar khususnya di Balik Pulau.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri akan memastikan lebih banyak premis di Balik Pulau dilengkapi dengan kemudahan internet jalur lebar talian tetap selain bakal membina sebuah struktur telekomunikasi baharu.

"Sehingga kini, sebanyak 973 premis di kawasan Balik Pulau diliputi dengan jajaran internet jalur lebar talian tetap dan sebanyak 37 stesen pemancar telah dinaik taraf untuk menampung keperluan dan permintaan penduduk tempatan.

"Selain itu, sebanyak 1,676 premis di kawasan Balik Pulau akan diliputi dengan internet jalur lebar mudah alih pada masa akan datang.

"Inisiatif tersebut akan dilaksanakan melalui perancangan di bawah Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang (PCMP)," katanya semasa sesi soalan lisan pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Zairil memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga akan menjalinkan kerjasama dengan semua pemegang taruh di negeri ini bagi memantau keperluan menambah baik liputan komunikasi oleh syarikat penyedia perkhidmatan komunikasi.

"Ia penting bagi meningkatkan usaha untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan masyarakat selaras dengan pembangunan digital di kawasan-kawasan awam seperti pelaksanaan inisiatif tanpa tunai, bekerja dari rumah serta proses pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR)," ulasnya.



ADUN Telok Ayer Tawar, Dato' Mustafa Kamal Ahmad (kiri) dan ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung ketika hadir pada sesi persidangan.



ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin (kiri sekali) mengadakan perbincangan bersama-sama ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail (tengah) pada sesi persidangan yang berlangsung baru-baru ini.

## RM51.9 juta demi tingkat kualiti hidup penduduk PPR Padang Tembak

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga bulan Ogos 2021 membelanjakan sebanyak RM281.77 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan skim perumahan awam dan swasta layak di negeri ini.

Daripada angka itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa sejumlah RM51,910,417.80 peruntukan penyelenggaraan dibelanjakan bagi meningkatkan daya huni serta kualiti hidup penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Padang Tembak.

"Penyelenggaraan yang dibuat seperti pembaikan keretakan bangunan, kontrak pembersihan dan pembaikan kawasan serta harta guna sama.

"(Selain itu, perbelanjaan untuk) penukaran dan penyelenggaraan 27 unit lif di semua sembilan blok (PPR Padang Tembak)," jelasnya semasa sesi soalan lisan dekat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini pada 2 September 2022.

Di samping itu, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut menjelaskan bahawa keputusan bagi pembaharuan semula PPR Padang Tembak memerlukan kajian menyeluruh dengan mengambil kira aspek perundangan terutamanya mengenai hak milik strata sebelum dapat diputuskan.

"(Dan) dengan mengambil kira kos penyelenggaraan yang tidak lagi efektif dengan usia serta keadaan bangunan semakin usang dan serba ketinggalan daripada segi fasiliti serta keselesaan unit pembaharuan semula bandar, sememangnya pembaharuan semula skim perumahan ini merupakan opsyen terbaik bagi menangani permasalahan sedia ada.

"Kerajaan Negeri perlu membuat kajian selanjutnya bagi mempertimbangkan sebarang cadangan untuk penempatan semula ke lokasi berlainan," ulasnya lagi sebagai menjawab soalan daripada ADUN Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee.

# Kejayaan pembangunan perumahan atas tanah wakaf negeri

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berjaya melaksanakan projek pembangunan pangsapuri berkaitan di beberapa tanah wakaf di sini.

Antaranya, tanah Wakaf Siti dan Hajah Norijah dekat Sungai Nibong serta Pangsapuri Wakaf An-Nur, Telok Ayer Tawar dengan menggunakan peruntukan daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti berkata demikian pada sesi penggulungan sebagai menjawab soalan Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Dato' Muhamad Yusoff Mohd. Noor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua.

"Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajah Norijah menggunakan konsep sewaan dengan menawarkan bayaran sewa yang lebih rendah (iaitu) 30 peratus daripada nilai semasa.

"Sejumlah 25 unit rumah telah diberikan kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk penyediaan tempat tinggal kepada golongan asnaf di Pulau Pinang dengan kadar sewa RM300 sebulan yang mana RM200 ditanggung oleh ZPP dan RM100 lagi oleh asnaf tersebut.

"Pihak MAINPP dalam pada itu juga sedang merancang untuk melaksanakan konsep sewa beli (RTO) bagi Pangsapuri Wakaf An-Nur untuk memudahkan golongan B40 (golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah) memiliki rumah," jelasnya dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 2 September 2021.

> **Sejumlah 25 unit rumah telah diberikan kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk penyediaan tempat tinggal kepada golongan asnaf di Pulau Pinang dengan kadar sewa RM300 sebulan yang mana RM200 ditanggung oleh ZPP dan RM100 lagi oleh asnaf tersebut.**

Sebelum itu, Ahmad Zakiyuddin menjelaskan bahawa beberapa elemen pembangunan berkonsep 'Rabbani' seperti pembangunan modal insan, organisasi serta negara berteraskan maqasid syariah, yang terkandung dalam model Khaira Ummah Peringkat Negeri Pulau Pinang adalah selari dengan Visi Penang2030 digagaskan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Menurut beliau, Khaira Ummah merupakan gagasan pembangunan jangka panjang sehingga tahun 2030 demi memartabatkan lagi kedudukan Islam dan umatnya di Pulau Pinang.

"Terdapat lima elemen penting yang ditekankan dalam maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

"Pembangunan di peringkat dasar perlu diperkukuhkan dengan sebaiknya bermula daripada kelompok kecil dalam keluarga.

"Penerapan nilai-nilai murni perlu dipupuk di peringkat awal usia lagi bagi melahirkan masyarakat yang berkualiti untuk membangunkan negara.

"Hal ini adalah sejajar dengan salah satu daripada lima teras Khaira Ummah yang digariskan oleh Kerajaan Negeri iaitu konsep 'baiti jannati' (rumahku, syurgaku) bagi menfokuskan kepada pengukuhan institusi kekeluargaan," ujarnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Di samping itu, beliau turut menjelaskan bahawa pihaknya pada 21 September tahun lepas turut melancarkan sebuah pelan pembangunan yang komprehensif untuk umat Islam, yang mana dalam acara induksi pertama untuk Khaira Ummah 2030 (KU2030) menggariskan pecahan komponen utama (HEBAT) iaitu, Hikmah, Ekonomi, Baiti Jannati, Anak Muda dan Tarbiyah.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

# *Penang2030 Coop Grant* tingkat operasi 21 koperasi

**GEORGE TOWN** - Sejak 2 Februari lepas, Kerajaan Negeri melalui skim bantuan *Penang2030 Coop Grant* berjumlah RM287,734 telah berjaya membantu operasi 21 koperasi terpilih yang terjejas dek pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa hasil daripada pemberian peruntukan geran tersebut menyaksikan prestasi aset koperasi di negeri ini meningkat kira-kira 51 peratus berbanding tahun sebelumnya, RM847 juta.

Pun begitu, beliau memberitahu bahawa prestasi perolehan koperasi-koperasi negeri menyaksikan trend menurun sebanyak 28 peratus dengan jumlah perolehan bernilai RM169 juta bagi tahun 2021.

"Prestasi ini didorong oleh beberapa faktor antaranya adalah kekangan dalam menjalankan aktiviti perniagaaan sewaktu pandemik COVID-19 serta kekurangan modal perniagaan," ucapnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 2 September 2021.

Menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Ahmad Zakiyuddin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri menerusi agensinya, Zakat Pulau Pinang (ZPP) memperuntukkan RM6 juta bagi tahun 2021 untuk pembiayaan pelajar Islam ke peringkat pengajian tinggi.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti turut menjelaskan bahawa sehingga 31 Ogos 2021, sejumlah RM 873,500 telah disalurkan kepada 1,031 pelajar Islam yang layak.

"Kadar bantuan setiap penerima adalah RM600 bagi peringkat sijil, diploma (RM800) dan Ijazah Sarjana Muda (RM1,000).

"Selain itu, Dermasiswa Pengajian di institusi pengajian tinggi pula diperuntukkan RM11,176,000 dengan kadar amaun Dermasiswa adalah tertakluk kepada peringkat, bidang dan lokasi pengajian antara RM2,500 sehingga RM20,000 setiap penerima setahun," ulasnya yang juga Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Dalam perkara berkaitan, Ahmad Zakiyuddin menjelaskan bahawa pihaknya dengan kerjasama *Malaysia Profesional Accountancy Centre* (MyPAC) turut menyediakan peruntukan berjumlah RM300,000 bagi menaja sasaran lima pelajar setahun untuk melanjutkan pembelajaran dalam bidang perakaunan.

"Bantuan ini diberikan kepada pelajar untuk mengikuti kursus ACCA (Persatuan Akauntan Bertauliah) yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai usaha melahirkan akauntan profesional dari kalangan anak-anak asnaf di Pulau Pinang," jelasnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

## Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-14

# Usahawan dibantu harungi impak pandemik



ABDUL Halim Hussain menunjukkan potret beliau ketika menjawat jawatan Yang di-Pertua DUN pada tahun 2008.

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri menerusi Skim Pinjaman Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) PEKA 3.0 memperuntukkan RM5 juta demi membantu usahawan kecil dan sederhana yang terjejas akibat COVID-19.

Di bawah skim berkaitan, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain memberitahu bahawa para peserta boleh meminjam RM5,000 hingga RM20,000 dengan tempoh pembayaran balik pinjaman selama 30 bulan berserta moratorium bagi enam bulan pertama.

Selain itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung berkata bahawa pihaknya melalui *Penang Halal International* (PHI) turut bekerjasama dengan platform e-dagang *Shopee* yang mempunyai lebih 27 juta pengunjung setiap bulan dengan melancarkan platform *Penang E-Mall@Shopee*.

"(Kerjasama ini) adalah bagi menyokong perniagaan PKS di Pulau Pinang.

"Ia menyediakan saluran baharu kepada komuniti perniagaan yang selama ini hanya bergantung kepada kaedah perniagaan secara tradisional dengan memanfaatkan platform perniagaan digital secara dalam talian," jelasnya semasa sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 2 September 2021.

Menurut Abdul Halim, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000 dalam bentuk baucar diskaun yang diberi kepada para pelanggan untuk berbelanja di platform *Penang E-Mall@Shopee*.

"(Baucar diskaun ini) telah membantu lebih daripada 15,000 penjual di sekitar Pulau Pinang berhubung proses pendigitalan perniagaan mereka," ujarnya.

Di samping itu, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bagi tahun 2021 memperuntukkan sebanyak RM1 juta di bawah Program Kerjasama Pintar dengan penyediaan platform *'marketplace digital commerce'*.

Langkah-langkah lain, tambah Abdul Halim, termasuk penganjuran bengkel-bengkel pembangunan dan Hari Pembekal *(Supplier Day)* untuk membantu perkembangan para PKS dan memberi Bantuan Khas Kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada PKS yang berdaftar dengan SME Association Malaysia (SAMENTA) di bawah Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19).

"Sehingga 17 Ogos 2021, sebanyak 333 SME telah menerima bantuan tersebut (Pakej Bantuan Khas - Penang Lawan COVID-19)," ulasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Halim turut menjelaskan mengenai lima strategi Kerajaan Negeri demi memulihkan sektor-sektor berkaitan dalam ekonomi negeri.

"Kerajaan Negeri menggariskan lima strategi iaitu menubuhkan jawatankuasa Majlis Perundingan Pemulihan Sosio-Ekonomi Pulau Pinang (PSERCC) yang bersidang sejak Jun 2020 dan penubuhan Majlis Penasihat Pelaburan Strategik Pulau Pinang bagi memantau situasi semasa, mendengar pandangan daripada pemain industri serta para pengusaha PKS dan mengkoordinasi kempen vaksinasi serta menjalankan saringan COVID-19," ujarnya.

Penjelasan tersebut adalah sebagai menjawab soalan dibangkitkan Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Dato' Muhamad Yusoff Mohd. Noor yang juga ADUN Sungai Dua.

# Kolaborasi bersama atasi masalah kesihatan mental

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi menangani masalah kesihatan mental yang dipercayai semakin meningkat terutamanya dalam tempoh penularan pandemik COVID-19.

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa kesihatan mental akibat pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada masyarakat di negeri ini tanpa mengira peringkat umur.

"Masalah kesihatan mental ini bukan sahaja mengakibatkan gejala gangguan atau penyakit mental tetapi turut mendatangkan kesan kepada kehidupan sosial dan tahap kefungsian individu terlibat.

"Rangkaian kerjasama pelbagai agensi dalam pengandalian masalah psikologi telah lama wujud sama ada agensi kerajaan, swasta, universiti, syarikat korporat, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta lain-lain agensi.

"Daripada segi kesan psikologi, kemudahan ini (pengendalian masalah psikologi) telah disediakan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu Jabatan Kesihatan Negeri (JKNPP), klinik kesihatan dan hospital.

"Selain itu, kemudahan ini juga disediakan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat di Klinik Kesihatan Butterworth (MENTARI) yang dikendalikan oleh pakar psikologi, pegawai perubatan, kaunselor dan anggota paramedik.

"Turut disediakan adalah talian *helpline* bebas tol 24 jam yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selain menggunakan saluran pendidikan melalui pelbagai rangkaian media," katanya pada sesi soalan lisan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 1 September lalu.

Tambah Norlela, Kerajaan Negeri turut menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khususnya melibatkan aspek pendidikan dan bantuan psikososial.

"Rangkaian kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melalui Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam serta Unit Jurupulih Carakerja di kedua-dua hospital berkenaan telah dijalinkan sebelum ini.

"Kerjasama ini adalah untuk mengurangkan kes kebarangkalian bunuh diri yang dilaporkan berlaku antara Januari hingga Mei tahun ini.

"Selain itu, peranan ketua komuniti seperti ketua kampung, pengerusi jawatankuasa penduduk, kelab rukun tetangga dan Majlis Pangurusan Komuniti Kampung (MPKK) juga penting dalam mendepani cabaran pandemik ini," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memaklumkan bahawa sebanyak 19 kes cubaan bunuh diri telah dilaporkan di negeri Pulau Pinang antara Januari hingga Mei tahun ini.

"Malah, *NGO Befrienders Penang* melaporkan bahawa pihak mereka telah menerima sebanyak 6,202 panggilan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini.

"Begitu juga dengan *D'Home Mental Health Association* yang telah menerima peningkatan aduan daripada orang ramai yang memerlukan bantuan psikologi dan sebagainya," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti.

Justeru kata Norlela, Kerajaan Negeri bertindak menjalin kolaborasi dengan pelbagai NGO untuk membentuk Gabungan PgCare bagi mempercepatkan lagi penyaluran bantuan kepada rakyat dalam tempoh pandemik.

Antara NGO terlibat adalah *D'Home, Befrienders Penang*, Pertubuhan Kebajikan Sneham Malaysia (Pulau Pinang), Kelab Kiwanis Pulau Pinang, *The Penang Buddhist Tzu Chi Merits Society* (Tzu Chi), *Junior Chamber International* (JCI) Pulau Pinang.

Selain itu, persatuan-persatuan dalam kalangan pemain industri di negeri ini seperti Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA), Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SAMENTA), Perkeso serta golongan profesional turut membentuk gabungan tersebut.

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-14

# Lulus undang-undang usia 18 tahun jadi calon pilihan raya

**GEORGE TOWN** - Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang sebulat suara meluluskan pindaan Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021 bagi had umur calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) diturunkan daripada 21 kepada 18 tahun.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee ketika mengemukakan usul tersebut berkata bahawa pindaan enakmen itu adalah bagi membenarkan individu berusia 18 tahun dan ke atas menjadi calon dalam pilihan raya akan datang.

Lip Chee berkata, Pulau Pinang akan menjadi negeri ketujuh selepas Sabah, Perlis, Terengganu, Sarawak, Kelantan dan Perak yang membenarkan individu berusia 18 tahun dan ke atas bertanding dalam pilihan raya.

Tambah beliau, kaji selidik yang dijalankan berhubung cadangan penurunan had umur sebelum ini mendapati seramai 2,661 daripada 3,475 responden, iaitu 65.06 peratus golongan belia menyokong manakala 35 peratus atau 1,214 responden lagi membantah.

"Kajian tersebut telah dilaksanakan bermula dari 8 Disember 2020 sehingga 6 Jun 2021 dengan borang soal selidik mengenai cadangan itu telah diedarkan secara dalam talian *(online)* kepada responden.

"Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) juga mengadakan pelbagai kempen pada April lalu untuk meningkatkan kesedaran dan menarik perhatian belia berhubung perkara yang ingin dilaksanakan," ulasnya.

Lip Chee berkata bahawa perkembangan sosial dan demokrasi di seluruh dunia memerlukan golongan belia diberi hak menjadi calon pilihan raya seawal usia 18 tahun.

Pada masa sama, beliau menyatakan bahawa golongan belia perlu diberi peluang untuk memainkan peranan kritikal dalam dasar-dasar kerajaan memandangkan mereka merupakan generasi yang akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.



SOON Lip Chee.

"Ini juga seiring dengan perkembangan pesat ekonomi, teknologi dan kemajuan pelbagai industri yang mana pembabitan golongan muda dalam pembangunan sosial serta politik di Pulau Pinang dan Malaysia amat diperlukan.

"Langkah ini mampu memberi peluang, ruang dan suara kepada mereka untuk sama-sama berganding bahu mencorak demokrasi negara melalui pilihan raya," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Justeru, beliau berkata bahawa Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk menganjurkan lebih banyak lagi program-program yang boleh meningkatkan kesedaran tentang isu sivik dan demokrasi di negeri ini.

"Hal ini supaya golongan muda yang berminat dalam bidang politik boleh menyediakan diri untuk menghadapi cabaran menjadi calon dalam pilihan raya yang akan datang," jelasnya.

## Skim PEKA bantu kelangsungan pengusaha industri pelancongan

**GEORGE TOWN** - Wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi impak bukan sahaja daripada segi sosial dan ekonomi malah turut menjejaskan sektor pelancongan.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata, Kerajaan Negeri menawarkan skim pinjaman tanpa faedah melalui Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan atau Skim PEKA sehingga RM50,000 kepada pengusaha industri pelancongan.

"Skim tersebut adalah bagi membantu aliran tunai para pengusaha industri pelancongan yang terjejas berikutan penularan wabak COVID-19.

"Serentak itu, ia juga bagi mengelakkan kadar pengangguran dalam kalangan pengusaha industri pelancongan terjejas meningkat," ujarnya pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong memaklumkan pihaknya mengambil langkah proaktif bagi meringankan beban kewangan pengusaha industri pelancongan di negeri ini.

"Kerajaan Negeri memberi bantuan secara moratorium kepada pemain industri pelancongan bagi membiayai bil air, cukai petak, cukai tanah, cukai pintu dan fi lesen perniagaan bagi tahun ini.

"Malah, sebarang caj penalti atas tunggakan bil air, cukai petak, cukai tanah, cukai pintu dan fi lesen perniagaan (sektor pelancongan) turut dikecualikan sepanjang tempoh moratorium tersebut," katanya.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri akan memberi fokus terhadap peningkatan perjalanan ke Pulau Pinang melalui pelbagai kempen pemasaran secara berperingkat yang bertujuan memulihkan dan membangunkan semula industri pelancongan agar negeri ini kekal sebagai destinasi pilihan utama pelancong.

Terdahulu, Soon Hin memberitahu Dewan bahawa pembiayaan pemulihan sektor pelancongan yang lebih holistik diperlukan bagi memastikan kelangsungan sektor berkaitan.

Difahamkan, inisiatif berkaitan merupakan sebahagian daripada Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan atau *Tourism Recovery Action Plan.*



YEOH Soon Hin.

## Penggiat industri ekonomi kreatif digalak adaptasi digitalisasi, normal baharu

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pelancongan dan Ekonomi Kreatif mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Skim Pinjaman Tanpa Faedah Dana Permulaan Industri Ekonomi Kreatif atau *Creative Leap Loan* yang bertujuan meringankan beban kewangan penggiat industri ekonomi kreatif di negeri ini.

Exco berwajib, Yeoh Soon Hin berkata bahawa pihaknya amat prihatin atas nasib yang menimpa para penggiat industri ekonomi kreatif.

"Kerajaan Negeri selalu bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta persatuan-persatuan berkaitan yang terlibat dalam industri ini untuk membantu mereka yang terkesan (akibat wabak COVID-19).

"Antaranya dengan menyediakan platform dan saluran kepada artis-artis untuk menjana pendapatan sepanjang tempoh getir ini, seperti *Carry Cature Corner* dan dekorasi seni arca pasir di Pusat Konvensyen SPICE sempena Hari Kemerdekaan baru-baru ini.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga menggalakkan kumpulan kesenian dan artis individu untuk menganjurkan aktiviti atau program kesenian secara dalam talian bagi menyesuaikan diri dengan digitalisasi dan normal baharu," jelasnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 baru-baru ini.

Dalam sesi sama, Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong turut menyambut baik cadangan ADUN Sungai Dua, Dato' Muhamad Yusoff Mohd. Noor yang juga merupakan Ketua Pembangkang Pulau Pinang supaya meneliti perkembangan warisan, budaya dan kesenian masyarakat Melayu Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan tersebut termasuk pewartaan seni warisan masyarakat Melayu Pulau Pinang yang merupakan aset terpenting.

"(Dan) terima kasih juga kepada ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid yang sentiasa cakna terhadap industri ekonomi kreatif di negeri ini," katanya.

Tambah Soon Hin, industri ekonomi kreatif dan sektor pelancongan negeri merupakan elemen penting yang membentuk rangkaian sinergi yang mana kedua-duanya membawa jalinan simbiosis serta berpaya menjana idea, kreativiti, inovasi dan mencetus evolusi selain menjadi salah satu sumber pendapatan kepada Pulau Pinang.

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-14

# Pandemik, Pulau Pinang berjaya catat RM14.1 bilion pelaburan pembuatan

**GEORGE TOWN** - Mengambil kira pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara sejak tahun lepas, Pulau Pinang masih mencatatkan pelaburan dalam sektor pembuatan bagi tahun 2020 sebanyak RM14.1 bilion.

Memetik sumber Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa pelaburan merangkumi 166 projek berkaitan dijangka mencipta 13,268 peluang pekerjaan baharu di Pulau Pinang.

Lebih membanggakan, Abdul Halim memberitahu bahawa pada suku tahun pertama 2021, Pulau Pinang telah mencatatkan nilai pelaburan sebanyak RM1.1bilion bagi sektor pembuatan.

"(Sementara itu) pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang 75 peratus atau sebanyak RM10.6 bilion, manakala pelaburan langsung domestik melonjak 92 peratus dari tahun ke tahun kepada RM3.5 bilion.

"Walaupun terdapat banyak ketidakpastian global, pencapaian pelaburan tahun 2020 adalah yang kedua tertinggi dalam sejarah Pulau Pinang (berbanding) tahun 2019 yang mencatat sebanyak RM16.9 bilion," jelasnya dalam sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 2 September 2021.

Tambah beliau, nilai pelaburan tersebut diperoleh daripada 40 projek dan dianggar akan mewujudkan sebanyak 2,328 peluang pekerjaan baru.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52 peratus nilai pelaburan adalah daripada pelaburan langsung domestik, dan pelaburan langsung asing (48 peratus)," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Pada sesi penggulungan sama, Abdul Halim turut menjawab soalan dibangkitkan beberapa ADUN berhubung kluster kilang yang mana menjadi antara penyumbang kes harian COVID-19 di negeri ini.

Menurut beliau, penutupan kilang adalah berdasarkan strategi dan polisi yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan yang mana segala prosedur operasi standard (SOP) berkaitan sektor perkilangan serta pembuatan tertakluk kepada keputusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Bagaimanapun, penutupan kilang kerap dilaksanakan berdasarkan arahan pencegahan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) jika terdapat bilangan kes positif COVID-19 yang tinggi.

